

HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU KEPIMPINAN GURU BESAR DENGAN EFIKASI GURU SEKOLAH RENDAH

THE RELATIONSHIP BETWEEN PRINCIPAL'S LEADERSHIP BEHAVIOUR AND PRIMARY SCHOOL TEACHERS EFFICACY

Yusniza Yusof¹

Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
(Email: yuslie236@gmail.com)

Norazlinda Saad²

School of Education and Modern Languages,
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
(Email: azlinda@uum.edu.my)

Surendran Sankaran³

School of Education and Modern Languages,
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
(Email: surendran@uum.edu.my)

Accepted date: 27-01-2019

Published date: 08-07-2019

To cite this document: Yusniza, Y., Norazlinda, S., & Surendran, S. (2019). Hubungan Antara Tingkah Laku Kepimpinan Guru Besar Dengan Efikasi Guru Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 350-358.

DOI: 10.35631/IJEPC.4310030

Abstrak: Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara tingkah laku kepimpinan guru besar dengan efikasi guru. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mengaplikasikan pendekatan tinjauan. Populasi kajian adalah 1398 orang guru sekolah rendah daerah Kuala Nerus, Terengganu. Sampel kajian terdiri daripada 130 orang guru. Instrumen kajian tingkah laku kepimpinan guru besar ini terdiri daripada 49 item. Dimensi efikasi sendiri guru pula terdiri daripada tiga dimensi yang terdiri daripada 12 item keseluruhannya. Instrumen efikasi sendiri guru mempunyai nilai pekali *Cronbach Alpha* 0.92 dan instrumen tingkah laku kepimpinan guru besar 0.91. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan statistik inferensi iaitu korelasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara tingkah laku kepimpinan guru besar dengan tahap efikasi sendiri guru. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa tingkah laku kepimpinan guru besar dilihat sebagai salah satu pemangkin yang bertindak sebagai medium untuk memastikan guru-guru sentiasa komited untuk melaksanakan tugas sebagai pendidik dan kekal bermotivasi sepanjang perkhidmatan.

Kata Kunci: Kepimpinan, Tingkah Laku, Efikasi Kendiri

Abstract: *The purpose of this study is to identify the relationship between teacher leadership behaviour and teacher efficacy. This study uses quantitative methods that apply the survey approach. The population of the study is 1398 primary school teachers in Kuala Nerus district, Terengganu. The sample consists of 130 teachers. Instructional study of leadership principals consists of 49 items. This instrument of principal's leadership behaviour consists of 49 items which measured using the five-point Likert scale. The teacher's self-efficacy dimension consists of three dimensions consisting of 12 overall items which measured using a nine-point Likert scale. The teacher's self-efficacy instrument has Cronbach Alpha 0.92 coefficient and teacher leadership behavioural instrument 0.91. The data of this study was analysed by using inferential statistic i.e. correlation. The findings show that there is a significant and positive correlation between the principal's leadership behaviour with the level of self-efficacy of the teacher. The finding of this study explains that the principal's leadership behaviour is also seen as one of the catalysts acting as a medium to ensure teachers are always committed to performing their duties as educators and remain motivated throughout the service.*

Keywords: *Leadership Behaviour, Principal, Self-efficacy, Teacher*

Pengenalan

Pendidikan merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Dalam menghadapi persaingan ekonomi global pada masa kini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh rakyatnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Segala perancangan yang direncanakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memerlukan komitmen yang tinggi daripada seluruh warga sekolah. Tugas ini tidak boleh dipikul oleh guru besar selaku pemimpin sekolah secara sendirian tetapi perlu dilaksanakan secara kolaboratif bersama guru dan murid. Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin dan Azlin Norhaini Mansor (2016) yang menyatakan kejayaan sesebuah sekolah sangat berkait rapat dengan guru besar dalam aspek kepimpinan.

Penyataan Masalah

Guru yang mempunyai tahap efikasi diri yang tinggi akan mampu menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan (Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman, 2010). Namun begitu, laporan PPPM 2013-2025 mendapati, hanya 12% pengajaran guru disampaikan pada standard yang tinggi, manakala 38% lagi berada pada standard memuaskan dan 50% pengajaran guru disampaikan pada tahap tidak memuaskan (Shafinaz et al., 2016).

Dalam aspek kepimpinan pula, guru besar selaku pemimpin sekolah turut memainkan peranan utama dalam usaha meningkatkan efikasi guru yang mana pemimpin perlulah sentiasa memantau keperluan guru serta mampu memberi bimbingan dan sokongan dalam usaha meningkatkan efikasi guru (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Gallante (2015) pula menyatakan, corak kepimpinan guru besar dalam mempengaruhi perkembangan efikasi guru masih belum difahami dengan baik. Pandangan-pandangan tersebut jelas menunjukkan tingkah laku kepimpinan pemimpin sekolah dan efikasi guru adalah amat penting kepada sesebuah sekolah.

Dalam konteks di Malaysia, kebanyakan kajian lebih berfokus kepada gaya kepimpinan dan efikasi guru (Masitah Mohammad Yusof et al., 2013; Baharuzaini Baharin et al., 2016;

Shafinaz et al., 2016). Justeru, ruang yang ada ini mendorong pengkaji untuk meneroka dengan lebih mendalam tingkah laku kepimpinan. Di samping itu, kajian-kajian lepas juga lebih memfokuskan kajian berkaitan gaya kepimpinan berbanding mengkaji aspek tingkah laku tertentu dalam sesebuah gaya kepimpinan (Baharuzaini Baharin et al., 2016; Rosnarizah Abdul Halim, & Husien Ahmad, 2015).

Kajian berkaitan efikasi pula lebih menjurus kepada efikasi guru dalam melaksanakan pengajaran bagi mata pelajaran tertentu (Masitah Mohammad Yusof et al., 2013). Selain itu, kebanyakan pengkaji lebih gemar mengkaji aspek-aspek perkembangan efikasi diri dan faktor yang boleh mempengaruhi tahap efikasi diri (Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman, 2010). Atas keperluan dan permasalahan yang dinyatakan di atas, kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan tingkah laku kepimpinan guru besar dengan tahap efikasi guru dalam melaksanakan tugas mereka agar dapat memenuhi kehendak dan harapan bagi meningkatkan keberhasilan murid sekaligus menyumbang kepada peningkatan prestasi sekolah.

Objektif Kajian

1. mengenal pasti hubungan antara tingkah laku kepimpinan guru besar dengan efikasi guru.

Definisi Operasional

Berikut merupakan definisi yang digunakan bagi kajian ini:-

i. Tingkah Laku Kepimpinan Guru Besar

Dalam konteks kajian ini, tingkah laku kepimpinan merujuk kepada hubungan kemanusiaan, kepercayaan/membuat keputusan, kemahiran kepimpinan pengajaran, kawalan dan pengurusan konflik guru besar dalam persekitaran sekolah.

ii. Efikasi Guru

Efikasi guru dalam konteks kajian ini merujuk kepada keupayaan guru untuk menyampaikan pengajarannya secara berkesan dan sebagai pemudah cara dalam kandungan pembelajaran murid-murid semasa di dalam kelas. Malah keupayaan guru untuk bertindak balas dengan murid-murid dalam apa jua perilaku murid-murid dalam membentuk kemenjadian murid yang kompeten.

Tinjauan Literatur

Efikasi Guru

Salah satu aspek terpenting yang mempengaruhi guru dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai seorang tenaga pengajar ialah efikasi kendirinya (Masitah Mohammad Yusof et al., 2013). Ini kerana efikasi guru sering dikaitkan sebagai kunci kepada peningkatan kualiti persekolahan (Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman, 2010). Efikasi guru adalah kepercayaan guru pada keupayaan mereka untuk mempengaruhi pembelajaran pelajar (Ashton et al., 1982). Menurut Bandura (1986), efikasi sendiri terbentuk dan berkembang menerusi empat sumber maklumat, iaitu pengalaman lepas, pengalaman *vicarious*, pengaruh sosial serta keadaan fisiologi dan emosi (Aziyah Ismail, Loh, & Abdul Ghani Kanesan Abdullah, 2015). Baharuzaini et al. (2016) pula menyatakan efikasi guru sebagai kepercayaan seseorang guru itu akan keupayaan diri sendiri untuk menjalankan proses pembelajaran dan pengajaran yang mampu meningkatkan prestasi murid.

Urton, Wilbert dan Hennemann (2014) mengkaji tentang efikasi pengetua dan guru mendapati efikasi guru secara signifikan mempengaruhi sikap ke arah integrasi sosial. Yusni Zaini Yusof, Rosna Awang Hashim dan Tengku Faekah Tengku Ariffin (2015) juga mendapati kesejahteraan hidup, keserakanan dan kesejahteraan di tempat kerja adalah secara signifikan mempengaruhi efikasi guru secara kolektif. Kajian oleh Weissenrieder, Roesken-Winter, Schueler, Binner, dan Blömeke (2015) yang menjalankan kajian berkaitan pembangunan efikasi guru melalui latihan pembangunan berterusan juga memperoleh dapatan yang hampir sama yang mana hasil kajian mendapati tahap efikasi peserta yang mengikuti latihan ini berkembang melalui perhubungan sosial dan kerjasama. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa efikasi seseorang guru tidak terbentuk secara sendirian dan ia perlu dibangunkan melalui proses sosialisasi. Pengetua sebagai pemimpin perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menggalakkan guru terlibat aktif dalam proses sosialisasi supaya dapat meningkatkan efikasi guru.

Tingkah Laku Kepimpinan

Tingkah laku pemimpin ialah cara pemimpin bertindak, berinteraksi, mengawal emosi dan berkomunikasi dengan kakitangan dalam organisasi (Yukl, 2013). Menurut Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz, dan Mohammed Zohir Ahmad (2008), sepuluh tingkah laku kepimpinan sebagaimana yang dinyatakan oleh Murphy dan Hallinger (1987) adalah menetapkan matlamat sekolah, menjelaskan matlamat, menyelia dan menilai pengajaran, mengurus kurikulum, memantau kemajuan pelajar, mengawal waktu pembelajaran, keterlibatan, memberi insentif pengajaran, menggalakkan peningkatan profesional dan memberi insentif pembelajaran. Tingkah laku kepimpinan guru besar memainkan peranan yang sangat besar dalam mengemudi hala tuju sesebuah sekolah. Corak dan tingkah laku kepimpinan guru besar akan menentukan keberhasilan sesebuah sekolah. Ini kerana, guru besar adalah pemimpin berimpak tinggi yang berupaya menggerakkan warga sekolah secara bersepadu untuk memajukan sekolah dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Kepimpinan dan Efikasi Guru

Gallante (2015) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional bagi konstruk penglibatan dan konflik. Berdasarkan model efikasi guru, hubungan dengan pengetua terbina melalui sokongan, bimbingan, dan struktur yang disediakan oleh pengetua. Dapatan kajian oleh Baharuzaini Baharin et al. (2016) pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan instruksional, transformasional dan demokratik dengan tahap efikasi guru. Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian Çalik et al. (2012) yang mendapati kepimpinan pengajaran atau kepimpinan instruksional mempunyai kesan langsung dan positif yang ketara terhadap efikasi guru secara kolektif.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan tahap hubungan yang sederhana antara kepimpinan pengajaran dan efikasi guru secara kolektif. Mehdinezhad dan Mansouri (2016) pula mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara komponen tingkah laku kepimpinan pengetua dan efikasi guru. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua komponen tingkah laku kepimpinan pengetua, iaitu pengaruh yang ideal dan rangsangan intelek, boleh meramal perubahan terhadap efikasi guru. Secara umumnya, didapati bahawa, efikasi guru mempunyai hubungan langsung dengan kepimpinan pemimpin utama sekolah.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan pendekatan tinjauan (*survey*) melalui soal selidik. Populasi kajian adalah 1398 orang guru sekolah rendah daerah Kuala Nerus, Terengganu. Berdasarkan kepada jadual penentuan sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), seramai 130 orang sampel dipilih secara rawak mudah.

Jadual 1: Instrumen Kajian

Pembolehubah	Bilangan Item	Sumber Item	Cronbach alpha
Efikasi Kendiri guru	12	<i>Tschannen-Moran and Woolfolk Hoy(2001)</i>	0.92
Tingkah laku kepimpinan Guru Besar	49	<i>Bulach et al.(2006)</i>	0.91

Dapatan kajian rintis menunjukkan instrumen efikasi kendiri guru mempunyai nilai pekali *Cronbach Alpha* 0.92 dan instrumen tingkah laku kepimpinan guru besar 0.91. Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan statistik inferensi iaitu korelasi.

Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Latar Belakang Responden

Jadual 2: Taburan Demografi Guru Berdasarkan Kepada Jantina Dan Umur

Jantina	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Lelaki	32	24.6
Perempuan	98	75.4
Umur		
26 – 32 tahun	4	3.1
33 – 39 tahun	28	21.5
40 – 46 tahun	44	33.9
47 – 53 tahun	39	30.0
54 – 60 tahun	15	11.5
Keseluruhan	130	100

Berdasarkan kepada analisis data dan dapatan kajian yang diperolehi seperti di dalam Jadual 2, dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden adalah daripada kalangan guru perempuan iaitu seramai 98 (75.4%) orang berbanding dengan guru lelaki. Manakala taburan responden mengikut umur pula didapati bahawa lingkungan umur 40 – 46 tahun adalah yang paling ramai yang terlibat sebagai responden kajian iaitu 33.9% dan yang paling rendah bilangan responden adalah daripada lingkungan umur 26 – 32 tahun sebanyak 3.1%.

Hubungan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Kepimpinan Guru Besar Dengan Efikasi Guru

Jadual 3: Hubungan Antara Tingkah Laku Kepimpinan Guru Besar dengan Efikasi Guru

Pembolehubah	Efikasi Guru
Tingkah Laku Kepimpinan Guru Besar	0.19*

*p < 0.05

Berdasarkan kepada Jadual 3, dapatan menunjukkan bahawa nilai korelasi yang diperolehi adalah signifikan iaitu dengan nilai $r = 0.19$ ($p < 0.05$). Analisis data mendapati terdapat hubungan positif yang sangat lemah dan signifikan antara tingkah laku kepimpinan guru besar dengan efikasi guru sekolah rendah. Berdasarkan model efikasi guru, hubungan dengan guru besar terbina melalui sokongan, bimbingan, dan struktur yang disediakan oleh pemimpin tersebut. Dapatan kajian oleh Baharuzaini Baharin et al. (2016) pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan instruksional, transformasional dan demokratik dengan tahap efikasi guru. Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian Calik et al. (2012) yang mendapati kepimpinan pengajaran atau kepimpinan instruksional mempunyai kesan langsung dan positif yang ketara terhadap efikasi guru secara kolektif.

Mehdinezhad dan Mansouri (2016) pula mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara komponen tingkah laku kepimpinan pengetua dan efikasi guru. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua komponen tingkah laku kepimpinan pengetua, iaitu pengaruh yang ideal dan rangsangan intelek, boleh meramal perubahan terhadap efikasi guru. Secara umumnya, didapati bahawa kepimpinan pemimpin utama sekolah mempunyai hubungan langsung dengan efikasi guru.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa mungkin terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi hubungan signifikan antara tingkah laku kepimpinan guru besar dengan efikasi guru. Ini kerana hasil dapatan menunjukkan hubungan positif yang sangat lemah antara tingkah laku kepimpinan guru besar dengan efikasi guru. Perkara mengenai langkah-langkah kepimpinan yang ditunjukkan mungkin tidak berkaitan dengan amalan di sekolah yang berbeza. Tingkah laku kepimpinan guru besar adalah termasuk perkara-perkara yang mengukur dalam membuat keputusan dan menilai pembangunan profesional. Kepimpinan Pendidikan termasuklah ukuran budaya sekolah dan juga membuat keputusan secara bersama. Tingkah laku kepimpinan guru besar ditunjukkan dalam kalangan pasukan kerja iaitu dengan memberi tumpuan kepada memperkasakan pasukan (Carson et al., 2006). Aspek-aspek kepimpinan guru besar yang ditunjukkan mungkin mempunyai kurang keberkesanan terhadap efikasi guru.

Implikasi Dapatan Kajian

Dapatan kajian menyediakan maklumat akan amalan tingkah laku yang perlu dipraktikkan dalam sesebuah pengurusan terutamanya organisasi sekolah agar mampu meninggalkan impak yang positif terhadap tahap efikasi guru dan seterusnya secara langsung meningkatkan prestasi sekolah. Dalam kajian ini, tingkah laku kepimpinan guru besar yang dikenal pasti mampu menyumbang kepada kecemerlangan sekolah telah diamalkan oleh pihak pengurusan

pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya. Oleh itu, tingkah laku kepimpinan guru besar ini perlu dikekalkan juga dan dijadikan contoh ke arah memastikan semua guru dapat meningkatkan efikasi mereka dan seterusnya bergerak seiring dalam mencapai visi dan misi sekolah seterusnya menyahut cabaran menyediakan pendidikan bertaraf dunia.

Dapatan kajian ini menjadi medium kepada pihak pengurusan sekolah untuk memahami persekitaran kerja yang mampu meningkatkan tahap efikasi sendiri guru-guru. Dalam situasi ini, pengetua dan guru besar (PGB) perlu bijak mengambil peluang dan mencipta iklim dan budaya sekolah yang sihat agar guru-guru dapat bekerja dalam persekitaran yang kondusif. Selain itu, PGB juga perlu mempunyai inisiatif untuk memenuhi keperluan dan memahami dengan lebih mendalam tentang kesukaran yang dihadapi oleh para guru dalam usaha mendidik para pelajar tanpa meminggirkan aspek efikasi sendiri guru. Penekanan juga perlu diberikan kepada aspek motivasi kerana faktor ini menjadi pemangkin dalam memastikan guru-guru berkhidmat dengan lebih komited seterusnya memacu pendidikan cemerlang seperti yang dihasratkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Selain itu, data yang diperolehi dari kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan oleh pihak JPNT atau KPM sendiri dalam merangka dasar-dasar pendidikan negara agar pelaksanaannya tidak membebankan serta mengambil kira tahap efikasi sendiri guru. Hal ini demikian kerana kebanyakan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kedua-dua pihak iaitu JPNT dan KPM dikenal pasti menyumbang kepada penurunan tahap efikasi sendiri guru. Kajian oleh Nor Mohamad Zulhairi Ismail et al. (2016) menyenaraikan faktor beban tugas yang banyak menjadi punca guru berasa tiada kepuasan untuk bekerja. Keadaan ini akan menjejaskan komitmen para guru terhadap sekolah (Nahid, 2011). Natijahnya, wujudnya situasi di mana tahap efikasi guru dalam melaksanakan tugas menurun sehingga akhirnya akan menjejaskan prestasi kerja. Kesannya, pencapaian murid akan merosot sehingga menyumbang kepada penurunan prestasi sekolah secara keseluruhannya.

Kesimpulan

Perbincangan dalam kajian ini telah menyentuh dapatan kajian yang signifikan dan kaitannya dengan kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu serta aspek-aspek teoritikal kajian yang mana efikasi guru sekolah rendah bergantung kepada tingkah laku kepimpinan guru besar di peringkat sekolah. Ini kerana tingkah laku kepimpinan guru besar dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di sekolah mampu menjadi faktor yang dapat meningkatkan tahap efikasi guru. Tingkah laku kepimpinan guru besar juga dilihat sebagai salah satu pemangkin yang bertindak sebagai medium untuk memastikan guru-guru sentiasa komited untuk melaksanakan tugas sebagai pendidik dan kekal bermotivasi sepanjang perkhidmatan.

Selain itu, dapatan hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu yang bermakna kepada pelbagai pihak antaranya guru, sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di samping itu, cadangan kajian lanjutan dikemukakan bagi memberi idea kepada pengkaji-pengkaji yang lain untuk membuat penerokaan yang lebih mendalam berkaitan isu yang diketengahkan. Kajian ini seterusnya juga berperanan sebagai rujukan kepada semua pihak yang komited dalam bidang penyelidikan bagi memantapkan profesion ini khususnya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di sekolah.

Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abd. Aziz, & Mohammed Zohir Ahmad. (2008). *Gaya-gaya kepimpinan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ashton, P. T., Olejnik, S., Crocker, L., & McAuliffe, M. (1982). Measurement problems in the study of teachers' sense of efficacy. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association, New York.
- Aziah Ismail, Loh Hooi Yen, & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2015). Komuniti pembelajaran profesional dan efikasi sendiri guru sekolah menengah di Pulau Pinang. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2, 1-12.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin, & Azlin Norhaini Mansor. (2016). Gaya kepimpinan guru besar dan tahap efikasi guru di sebuah sekolah rendah di daerah Gua Musang, Kelantan. *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 9–17.
- Bulach, C. R., Boothe, D., & Michael, P. (1999). Teachers' perceptions of the extent to which principals' practice effective supervisory behaviors. *ERS SPECTRUM: Journal of School Research and Information*, 17(4), 25-30.
- Bulach, C., Boothe, D., & Pickett, W. (2006). *Analyzing the leadership behavior of school principals*. Diakses pada 25 Oktober 2018 dari <http://cnx.org/content/m13813/1.1/>
- Calik M. W., Shankarappa S. A., & Stubbs E. B. (2012). Forced-exercise attenuates experimental autoimmune neuritis. *Neurochemistry International*, 6(1), 141–145.
- Carson, D., Gilmore, A., Gronhaug, K., & Perry, C. (2006). *Qualitative research in marketing*. Sage, London.
- Gallante, P. E. (2015). *Principal leadership behaviors and teacher efficacy*. Diakses pada 14 April 2018 dari <https://scholarworks.waldenu.edu/dissertations/581/>
- Hallinger, P., & Murphy, J. F. (1987). Assessing and developing principal instructional leadership. *Educational Leadership*, 45(1), 54-61.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Masitah Mohd. Yusof, Azizi Muda, Ahmad Makmom, Bahaman Abu Samah, Ramli Basri, Noriati A. Rashid, & Mohamed Khaidir Alias. (2013). Faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi-kendiri guru sekolah menengah di Malaysia dalam pelaksanaan pendidikan alam sekitar. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, 28, 131-153.
- Mehdinezhad, V, & Mansouri, M. (2016). School principals' leadership behaviours and its relation with teachers' sense of self-efficacy. *International Journal of Instruction*, 9(2), 51-60.
- Nahid, N. A. (2011). Teachers: emotional intelligence, job satisfaction, and organizational commitment. *Journal of Workplace Learning*. 24(4), 256-269.
- Nor Mohamad Zulhairi Ismail, Jamalul Lail Abdul Wahab, & Ruzita Md Hassan. (2016). Kepuasan kerja guru dan perbezaannya berdasarkan pencapaian sekolah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (), 49-54.
- Nurahimah Mohd Yusoff, & Rafisah Osman. (2010). Hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan efikasi guru. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, 25, 53-71.
- Rosnarizah Abdul Halim, & Hussein Ahmad (2015). Kepemimpinan distributif, faktor kontekstual dan efikasi sendiri guru di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 47-61.

- Shafinaz A. Maulod, Yan Piaw Chua, Hussein Ahmad, & Shahrin Alias (2016). Emotional intelligence and instructional leadership of secondary school principals. *Educational Leader (Pemimpin Pendidikan)*, 1 (4). Diakses pada 20 Oktober 2018 dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/PEMIMPIN/article/view/11558>
- Tschannen-Moran, M and Hoy, A. W (2001). Teacher efficacy: capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17, 783-805.
- Urton, K., Wilbert, J., & Hennemann, T. (2014). Attitudes towards inclusion and self-efficacy of principals and teachers. *Learning Disabilities --A Contemporary Journal*, 12(2), 151–168.
- Weißrieder, J., Rösken-Winter, B., Schüler, S., Binner, E., & Blömeke, S. (2015). Scaling CPD through professional learning communities: development of teachers' self-efficacy in relation to collaboration. *ZDM Mathematics Education*, 47(1), 27–38.
- Yusni Zaini Yusof, Rosna Awang Hashim, & Tengku Faekah Tengku Ariffin. (2015). Pemodelan hubungan antara kesejahteraan hidup, keserakanan, dan kesejahteraan di tempat kerja dengan efikasi guru secara kolektif. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 12, 177-204
- Yukl, G. (2013). *Leadership in organizations (8th ed.)*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.